

# Memasyarakatkan UPM, komuniti, industri

Penyelidikan  
bantu  
tangani  
masalah  
makro  
dalam  
kalangan  
penduduk



**SERI INTAN  
OTHMAN**

intan@bharian.com.my

Universiti ketika ini tidak lagi hanya memberi fokus kepada bidang akademik, tetapi juga meningkatkan kerjasama dengan pihak luar dari sektor perindustrian selain membantu masyarakat.

Dalamerti kata lain memasyarakatkan universiti selaras dengan visi dan misinya menjadi pusat pengajian tinggi yang turut membangunkan sosioekonomi negara sekali gus memantapkan jaringan transformasi ilmu kepada masyarakat.

Dengan wujudnya Jaringan Industri dan Masyarakat (UCTC) di Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak setahun lalu, kerjasama dua hala bagi melihat keperluan industri diadakan.

Kajian juga dijalankan ke atas masalah utama masyarakat yang perlu ditangani bersama dengan UPM menyalurkan ilmu dan bantuan teknikal.

Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Profesor Dr Ir Regunath Varatharajoo, berkata hasil kajian yang dijalankan tahun lalu, UPM mengenal pasti dua kategori masalah makro masyarakat iaitu, tingkah laku dan isu utama yang menjadi fokus utamanya untuk ditangani bersama masyarakat.

Masalah makro masyarakat yang membabitkan tingkah laku yang paling serius ialah perceraian yang semakin tinggi jumlahnya menyebabkan timbul pelbagai masalah kekeluargaan yang menjadikan masyarakat kucar-kacir.

## Kes jenayah membimbangkan

Diikuti kes jenayah yang semakin membimbangkan termasuk curi, ragut, rompakan bersenjata api, bunuh, penyalahgunaan dadah selain pengambilan arak berlebihan dan rokok.

Katanya, jenayah berat yang semakin berleluasa ini turut membabitkan kes rogol, cabul, sumbang mahram, seks bebas, pelacuran dan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang suatu ketika dulu tidak wujud.

Penyakit masyarakat yang membabitkan remaja seperti merempit, buli, vandalisme, lari dari rumah dan gangsterisme turut diberi perhatian.

Kes bunuh diri juga, katanya, nampakkan data yang meningkat, ma-

lah ia seperti satu kecenderungan yang membimbangkan dan jika tidak diatasi ia akan menjadi satu masalah lebih berat pada masa depan.

Selain itu perhatian diberikan kepada masalah penderaan rumah tangga, buang bayi, menganiaya binatang dan perjudian. Jika tidak ditangani dengan baik, keadaan akan menjadi lebih teruk.

Sejumlah 383 projek sudah pun dijalankan di seluruh negara dan 64 peratus di Selangor khususnya Serdang sendiri menjadi fokus utama kerana kedudukan UPM di kawasan berkenaan.

## Bantu masyarakat berjaya

Menerusi penyelidikan dibuat, UPM berusaha untuk membantu menjadikan masyarakat negara ini lebih berjaya dan sejahtera bila semua masalah berjaya diatasi sepenuhnya.

Mengenai masalah makro yang membabitkan isu sosial, katanya, ini membabitkan kebanjiran pendatang asing tanpa izin, manakala keselamatan jalan raya ketika ini antara penyumbang utama kematian di negara ini serta masalah kemiskinan bandar dan desa.

Turut diberi perhatian ialah masalah pengangguran, HIV dan AIDS, sakit mental, rasuah, pencemaran alam sekitar dan jenayah siber yang kini berleluasa seperti satu penyakit masyarakat yang sukar diatasi.

Masalah polarisasi kaum, sensitiviti agama, sindiket pinjaman wang haram (along), pemerdagangan manusia, pengguguran haram serta pendidikan juga antara bidang fokus yang dikendalikan.

Katanya, setiap pensusarah melaksanakan projek berdasarkan bidang kajian mereka dan KPI mereka ditentukan bila ia berjaya sepenuhnya dan diberi penarafan lima bintang.

Kejayaan ini membolehkan pensusarah diberi kenaikan pangkat dan dalam masa sama masyarakat turut menikmati hasilnya.

Sejak tahun lalu, katanya 60 masalah sudah ditangani menerusi program yang dikategorikan dalam tujuh bahagian iaitu komuniti pertanian, setempat, belia, kanak-kanak, warga emas, pesakit kanser dan Orang Asli.

"Kami perlukan lebih banyak dana daripada semua pihak termasuk syarikat swasta bagi melaksanakan semua projek ini dalam jangka masa panjang.

"Contohnya untuk program membaiki jalan raya sepanjang 100 meter di pekan Kajang yang menyebabkan banyak kemalangan membabitkan pelajar sekolah sebelum ini, kira-kira RM45,000 sahaja kos dibelanjakan dengan bantuan UNESCO, PBB berbanding jika menerusi tender RM400,000.

"Selain dalam negara, bantuan luar termasuk dari Jepun turut menaja projek kami. Apa yang penting, matlamat membudaya dan memasyarakatkan UPM, komuniti dan industri berjaya dicapai sepenuhnya," katanya.




UCTC memberi fokus pendidikan kanak-kanak.



Program UCTC bersama masyarakat Orang Asli.



Penduduk didedahkan dalam bidang penternakan.



**"Kami perlukan lebih banyak dana daripada semua pihak termasuk syarikat swasta bagi melaksanakan semua projek ini dalam jangka masa panjang"**

**Regunath Varatharajoo**  
Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM



FAKTA NOMBOR

383  
projek

UCTC dijalankan  
di seluruh negara

60  
masalah

sudah ditangani UCTC



Delegasi Bangladesh diberi taklimat mengenai projek UCTC.

# Siswazah mudah dapat kerja

Hubungan erat dengan sektor perindustrian membolehkan graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) lebih mudah mendapat pekerjaan sekali gus berjaya mengatasi masalah pengangguran siswazah.

Perubahan dasar dengan menjalin kerjasama erat dengan syarikat swasta di bidang perindustrian kini menjadi fokus utama universiti itu.

Pengarah Pusat Hubungan Jaringan Industri (CIRNET) UPM, Profesor Madya Dr Azizan Asmuni, berkata kerjasama erat itu terjalin menerusi pelbagai program kerjasama dua hala.

Fungsi CIRNET adalah sebagai pusat hubungan atau Pusat Tanggung Jawab (PTJ) yang menjadi jaringan kedua-dua pihak menerusi penyalaran kepakaran kepada sektor perindustrian:

Dengan ini, usaha membudayakan warga kampus termasuk pensyarah dan pelajaranya bekerjasama dengan sektor industri berbanding sebelum ini, fokus utama hanya bidang akademik.



Dr Azizan Asmuni

"Dulu universiti tidak berminat menjalin kerjasama kerana bimbang keuntungan diraih sebelah pihak, tetapi kini peluang kepada pelajar terbuka dengan lebih mudah bagi mengatasi masalah pengangguran graduan," katanya.

Katanya, tugas utama CIRNET ialah menghubungkan syarikat swasta berminat dengan menyalurkan maklumat, teknologi terkini, kepakaran serta penggunaan makmal bersama.

## Pelajar jalani latihan praktikal

Pada masa sama, pelajar menjalani latihan praktikal di syarikat berkenaan dan kemudian diambil bekerja.

"Contohnya bidang kejuruteraan elektronik, kami menjalin kerjasama dengan syarikat Western Digital dalam menghasilkan pelbagai produk termasuk pemacu komputer dan cakera padat," katanya.

Rangka kasar kerjasama meliputi lima dimensi iaitu, rangkaian hubungan kedua-dua pihak, sokongan padu yang jitu, kesan atau impak kerjasama, kerjasama strategik yang mapan dan sumbangan kewangan atau penajaan.

Beliau berkata, selain syarikat bertaraf antarabangsa, CIRNET banyak membantu syarikat kecil dan sederhana tempatan (IKS) walaupun bermodal kecil antara RM10,000 dan RM20,000 bukan sahaja dalam negara, malah negara ASEAN.

"Kami juga menghantar 300 pelajar setiap tahun ke New Zealand, Australia, Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Rusia untuk penedahan peringkat antarabangsa," katanya.

# UCTC lonjak kesejahteraan komuniti

Pelbagai projek pertanian, perladangan dan ternakan diberi fokus utama selaras dengan dasar Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM).

Walaupun ditubuhkan pada 14 Mac 2013, berdasarkan sejarahnya UPM pada mulanya adalah Universiti Pertanian Malaysia ketika ditubuhkan pada 1973.

Pengarah UCTC, Profesor Madya Dr Hawa ZE Jaafar, berkata misi utama UCTC ialah memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi peneroakan dan penyebaran ilmu.

Ini bertujuan mencapai matlamat sebagai pusat transformasi komuniti khusus untuk pembangunan dan pemantapan sektor pertanian, industri asas tani dan sumber biologi peringkat negara dan antarabangsa.

## Fokus pertanian bandar

Katanya, antara fokus utama tahun ini ialah pertanian bandar bertujuan mengurangkan kos hidup dan mengatasi masalah kemiskinan bandar serta menambah makanan keperluan harian.

"Kami mempunyai teknik khusus untuk menanam pokok walaupun untuk penghuni rumah pangsa tanpa

menggunakan tanah.

"Batu Talam di Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Putrajaya dipilih untuk projek ini yang mana kursus dan latihan diberikan kepada penduduk terbabit," katanya.

## Pelbagai tanaman herba

Antara tanaman diberi fokus ialah pelbagai jenis herba termasuk kacip fatimah, belalai gajah, dan kundur yang mempunyai banyak khasiat.

Selain itu, sayur-sayuran dan stevia sejenis tumbuhan pemanis yang dicampur dengan kopi bagi menggantikan gula untuk penghidap kencing manis.

Katanya, ternakan ayam kampung, kambing, lembu dan ikan patin serta keli juga dijalankan di kawasan berkenaan yang kebanyakannya dikendalikan syarikat kecil dan sederhana (IKS) dan koperasi.

"Menerusi projek ini kami menyalurkan ilmu dan aktiviti komuniti dilonjarkan melalui program pengembangan, keusahawanan dan memajukan golongan profesional serta latihan diwujudkan.

"Penduduk diberi latihan teknikal dan tersusun dalam bidang pertanian berasaskan bioteknologi, teknologi makanan, pengeluaran makanan yang ketika ini adalah bidang kritikal yang memerlukan fokus utama, tanaman herba, perladangan dan pen-

ternakan," katanya.

Komuniti juga diberi khidmat nasihat, bimbingan dan pembelajaran sepanjang hayat bagi menjana ekonomi dan kesejahteraan hidup dengan penghasilan produk makanan.

Beliau berkata, bidang berkenaan yang dikategorikan dalam tujuh kluster juga memberi fokus kepada komuniti setempat, belia, warga emas, pesakit kanser, Orang Asli dan pendidikan kanak-kanak.

Sebanyak 15 program khusus ditetapkan termasuk Bandar Hijau Serdang sebagai projek khas UPM.

Serdang dipilih kerana sebahagian besar kakitangan dan pelajar UPM tinggal di kawasan itu dan mereka perlu diberi perhatian utama.

## Jaringan antarabangsa

Jaringan antarabangsa memabitkan pelbagai negara termasuk Jepun, Brunei, Bangladesh, Laos, Kemboja, Sri Lanka dan negara Timur Tengah.

Program inkubasi, inovasi dan reka cipta, penghayatan alam sekitar serta sekolah angkat juga diadakan di seluruh negara.

Lima inisiatif yang dilaksana termasuk latihan praktikal dengan kos minimum, menghubungkan pelajar dan fakulti dengan komuniti.

Ia memabitkan pakar dari dalam dan luar universiti untuk kursus jangka pendek dengan membenarkan penggunaan kemudahan disediakan serta inkubator keusahawanan.



Hawa ZE